

12 APRIL 2018

## Tiga maut, 100 dirawat guna ganja sintetik

### Tiga maut, 100 dirawat guna ganja sintetik

CHICAGO - Tiga maut, manakala 100 orang menerima rawatan di hospital selepas menggunakan sejenis ganja sintetik di Midwest yang dipercayai dicampur dengan racun tikus.

Ganja sintetik itu dihasilkan dengan bahan kimia yang digunakan dalam bahan tumbuhan kering dan dijual dalam bungkusan kecil menggunakan nama pasaran seperti Spice dan K2.

Dadah tersebut juga ada dihasilkan dalam bentuk cecair.

Beberapa pegawai di tiga negeri Midwest memberi amaran mengenai penularan pesakit yang terpaksa dirawat selepas didapati menggunakan racun jenis brodifacoum itu.

Bahan kimia tersebut



GAMBAR fail bertarikh 29 Jun 2016 menunjukkan seorang lelaki memegang bungkusan dadah marijuana sintetik di Houston, Amerika Syarikat.

yang terdapat dalam ganja sintetik merupakan sejenis pencair darah yang boleh membawa maut dan lazimnya digunakan dalam racun tikus.

Beberapa dadah bera-

cun itu kini dipercayai dijual di Chicago.

"Setiap hari kami menyaksikan jumlah kes itu meningkat.

"Dadah sintetik jenis cannabinoids ini tidak se-

lamat dan tidak dikawal. Orang ramai tidak mengetahui mengenai kandungan bahan kimia di dalam dadah berkenaan seperti racun tikus," kata Pengarah Jabatan Kesihatan Illinois, Nirav Shah dalam satu kenyataan.

Di Illinois, kematian ketiga berkaitan dengan kes itu dilaporkan pada Isnin lalu.

Lebih 100 orang pula telah dimasukkan ke hospital selepas mengalami simptom seperti batuk berdarah dan pendarahan dalaman.

Sebilangan yang lain pula turut dilaporkan jatuh sakit di beberapa negeri jiran seperti utara Wisconsin dan tenggara Indiana.

Pengguna ganja itu termasuk melalui rokok, vape dan rokok elektronik. - AFP